

KERATAN AKHBAR - KOSMO: RABU 20 OGOS 2008



BUAH cempedak-durian yang dipamerkan di MAHA 2008 di Serdang semalam.

Rupa durian, isi cempedak

SERDANG – Kacukan raja buah dan cempedak yang digelar cempedak-durian hasil penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjaya menarik perhatian ramai pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2008.

Pembantu Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang mengendalikan gerai buah tersebut, Che Shab Ibrahim, 47, berkata, kulit buah tersebut seakan-akan durian biasanya menarik perhatian pengunjung untuk mengetahui lebih lanjut mengenai buah itu.

Menurutnya, buah itu dijual dengan harga RM4 se-kilogram dan ia berbaloi kerana isinya yang sangat enak.

"Isinya sama seperti isi cempedak, tetapi lebih tebal dan manis," katanya ketika ditemui di tapak MAHA 2008 di sini semalam.

Jelas Che Sab, isi buah tersebut juga lebih lembut sekiranya ia betul-betul masak dengan mengekalkan rasa sebenar cempedak selain berbau yang memikat.

Katanya, apa yang uniknya dengan buah tersebut ialah kulitnya yang

hijau walaupun telah masak yang berbeza dengan cempedak biasa yang kekuningan setelah masak.

Menurut Che Shab lagi, walaupun kulit dan rasanya sedikit berlainan, namun buah tersebut boleh dijadikan makanan tambahan untuk dimakan ketika minum petang seperti cempedak.

